

PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA LUAR BANDAR

SITI KHARIAH MOHD ZUBIR & MOHD RA'IN SHAARI

ABSTRAK

Pembangunan ekonomi adalah suatu punca kenaikan jumlah pendapatan dan pendapatan perkapita dengan menjumlahkan pertambahan penduduk serta pembangunan asas dalam sesuatu ekonomi sesebuah negara. Dalam artikel ini pengkaji mengkaji tentang pembangunan ekonomi belia luar bandar. Belia luar bandar biasanya dilabelkan sebagai belia yang berpendapatan rendah. Objektif kajian ini ialah pertama mengenal pasti golongan belia yang terlibat dengan pembangunan ekonomi luar bandar. Kedua menerangkan tentang peluang ekonomi belia luar bandar. Ketiga menjelaskan tentang bantuan yang diperlukan untuk membantu mengerakkan ekonomi belia luar bandar. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data. Data dianalisis menggunakan SPSS. Hasil dapatan kajian ini mendapati peratusan, kekerapan, min dan kekerapan kumulatif dapat dilihat dengan jelas lagi. Kesimpulannya, belia memainkan peranan penting dalam aktiviti ekonomi dunia dan sesebuah negara melalui peranannya yang produktif dan reproduktif.

Kata Kunci: *Pembangunan, Ekonomi, Belia, Luar Bandar, Bantuan, Kumulatif*

ABSTRACT

Economic development is one source that could increase a country's household and per capita income by estimating the increase of population demography and basic economic development. In this article the focus was on rural youth economic development. Rural youths are generally categorised as the lower income group. There are few research objectives. These include: To identify the type of youths involved in rural economic development. Secondly, to explain economic opportunities available for rural youths. And thirdly, to describe assistance required in stimulating rural youth economic development. This research applied the quantitative method by distributing questionnaires to elicit data. The data was then analysed using SPSS statistics. The findings established a descriptive analysis on percentages, frequency, min and cumulative frequency. The conclusion proves the important role youths play in global and national economic activities through their productive and reproductive roles.

Key words: *Development, Economy, Youths, Rural Area, Assistance, Cumulative*

PENGENALAN

Mohamad Asri Hj. Abdullah (1999) menjelaskan sejak tahun 1970-an ekonomi Malaysia telah tumbuh dengan begitu memberangsangkan. Sepanjang tempoh

antara 1970 hingga 1990, purata pertumbuhan dicatat sebanyak 6.7% setahun. Sejak Rancangan Malaysia Pertama (1956-1960) lagi ciri utama strategi pembangunan Malaysia ialah wujudnya kerangka organisasi yang teratur dalam semua peringkat birokrasi. Agensi-agensi pembangunan kerajaan semakin bertambah dan meluas dengan sebahagiannya menelan sumber dan perbelanjaan negara. Afifuddin Hj. Omar (1986) menyatakan proses mempelbagaikan struktur birokrasi seumpama ini kadang-kadang disalah anggap sebagai formula kepada pertumbuhan dan pembangunan.

Afifuddin Hj. Omar (1986) pula memberitahu terdapat dua syarat awal bagi mencapai matlamat pembangunan negara, iaitu daya pengeluaran dan pembahagian semula kekayaan. Dua syarat ini sangat penting dalam negara berbilang kaum dan budaya seperti Malaysia dengan ketidakseimbangan ekonomi dan politiknya dikatakan berpunca daripada penguasaan (hegemony) satu golongan kaum yang lain dalam setiap sektor tertentu.

Kedadaan kehidupan masyarakat di negara-negara membangun pada umumnya sangat berbeza dengan kehidupan di negara-negara maju. Ciri kehidupan masyarakat di negara-negara membangun pada umumnya adalah hidup serba kekurangan, tinggal di perumahan yang sangat sederhana tanpa air bersih dan sanitasi, tingkat pendidikan dan kesihatan keluarga dan masyarakat sangat rendah dan pendapatan keluarga juga rendah.

Rustian Kamaluddin (1999) menjelaskan ciri kehidupan keluarga di negara-negara maju adalah kehidupan yang serba lengkap, tinggal di kawasan perumahan mewah, cukup bekalan elektrik dan minuman, kemampuan memperoleh pendidikan keluarga sangat besar sehingga dapat melanjutkan pelajaran sehingga ke menara gading, kelengkapan kesihatan yang mencukupi dan pendapatan keluarga yang tinggi dan berlebihan.

Beliau menyatakan lagi bahawa pembangunan ekonomi meliputi usaha masyarakat keseluruhan untuk mengembangkan kegiatan ekonomi dan mempertingkatkan kesejahteraan bidang sosial, politik, kebudayaan dan sebagainya. Pembangunan ekonomi berbeza dengan ekonomi pembangunan kerana ekonomi pembangunan dikaitkan dengan pembangunan dan kemajuan ekonomi yang terdapat di negara-negara maju di mana struktur ekonomi yang sudah berindustri yang tidak mengalami perubahan struktural lagi, sedangkan pembangunan ekonomi berkait dengan perkembangan dan kemajuan ekonomi di negara-negara berkembang yang mengalami proses perubahan struktural daripada kemunduran ke arah kemajuan dan modenisasi.

Pembangunan ekonomi adalah suatu proses kenaikan jumlah pendapatan dan pendapatan per kapita dengan menjumlahkan pertambahan penduduk dengan perubahan asas dalam struktur ekonomi sesebuah negara. Faktor ekonomi adalah faktor yang boleh mempengaruhi pertumbuhan dan pembangunan ekonomi seperti

sumber alam, sumber manusia, sumber modal dan keahlian atau keusahawanan. Pembangunan ekonomi ditekankan kepada belia bagi mewujudkan belia yang bertanggungjawab, berdikari serta berupaya menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara.

Sungguhpun terdapat perbezaan antara negara dalam perkembangan ekonomi, namun secara umum ciri-ciri ekonomi negara yang berkembang itu dapat dianalisis mengikut ciri yang sama. Antara ciri-ciri tersebut yang dapat diklasifikasikan ialah taraf hidup yang rendah, produktiviti yang rendah, tingkat pertumbuhan penduduk, tingkat pengangguran yang tinggi dan kekurangan lapangan pekerjaan.

PENYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat pembangunan ekonomi belia luar bandar di Malaysia mempunyai masalah dan kekangan yang tersendiri. Begitu juga halnya dengan sektor pertanian yang berdepan dengan banyak masalah dan cabaran. Sejak dua dekad yang lalu, agenda ekonomi negara tertumpu pada sektor pembuatan dan perkhidmatan hingga pertanian tidak lagi menjadi penjana pertumbuhan ekonomi yang penting bagi negara (Johan 2004). Malah pelbagai usaha dan insentif telah diberikan kepada sektor pembuatan sehingga sektor pertanian terpinggir. Sektor pertanian juga memperlihatkan pengurangan jumlah mereka yang terbabit dalam tenaga kerja sektor pertanian, dari 1.42 juta orang pada tahun 2000 kepada 1.40 juta tahun 2005. Pada tahun 2005, ia mewakili hanya 13.3 peratus guna tenaga negara ini (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006). Oleh sebab itu, pengkaji terpinggil untuk membuat kajian.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui pasti golongan belia yang terlibat dengan pembangunan ekonomi luar bandar.
- ii. Menerangkan tentang peluang ekonomi belia luar bandar.
- iii. Menjelaskan tentang bantuan yang diperlukan untuk membantu mengerakkan ekonomi belia luar bandar.

PERSOALAN KAJIAN

Bagaimanakah cara hendak mengenal pasti belia luar bandar yang berpotensi mengambil bahagian yang aktif dalam IKS pertanian dan pemakanan serta peruncitan?

Apakah usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak berkepentingan seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Amanah Ikhtiar Malaysia, Bank Negara Malaysia (disalurkan melalui institusi

kewangan), Agro Bank, MARDI, MITI, dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam bekerjasama memajukan ekonomi belia luar bandar?

Apakah pendekatan-pendekatan yang sesuai untuk membangunkan ekonomi belia luar bandar?

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah pengumpulan data dilaksanakan menggunakan instrument soal selidik. Data soal selidik diperoleh dengan menggunakan skala seperti skala 1 (Sangat tidak setuju), skala 2 (Kurang setuju), skala 3 (Tiada komen), skala 4 (Setuju), dan skala 5 (Sangat setuju). Secara ringkas, reka bentuk kajian ialah pelan prosedur untuk mengumpul dan menganalisis data. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Kaedah kuantitatif dijalankan untuk mendapatkan data. Item soal selidik dibina untuk mengenal pasti dan mendapatkan maklum balas daripada responden. Bagi instrumen soal selidik, responden dikehendaki membulatkan pilihan jawapan berdasarkan skala yang diberikan, iaitu Sangat Tidak setuju, Kurang setuju, Tiada komen, Setuju dan Sangat Setuju.

DAPATAN KAJIAN


Analisis Dapatan Kajian

Sektor Pertanian Mendatangkan Manfaat kepada Mereka yang Gigih Memajukan Kawasan Luar Bandar

Responden bersetuju berjumlah 49.0% (245) bahawa sektor pertanian mendatangkan banyak manfaat kepada mereka yang gigih memajukan kawasan luar bandar. Selain itu, sekiranya belia dapat mengusahakan tanah-tanah yang terbiar di kawasan luar bandar akan meningkatkan ekonomi dan mengurangkan pengangguran. Dengan adanya inisiatif ini belia-belia akan dapat memajukan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Manakala min bagi item ini ialah 4.12 ini membuktikan bahawa purata bagi soalan ini adalah pada skala likert 4 iaitu setuju. Oleh yang demikian, hasil analisis mendapati bahawa min dan skala likert berkenaan adalah bersesuaian dengan tindak balas responden pada soalan berkenaan.

Jadual 1: Sektor Pertanian Mendatangkan Manfaat kepada Mereka yang Gigih Memajukan Kawasan Luar Bandar

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	23	4.6	4.12
Kurang setuju	7	1.4	
Tiada komen	42	8.4	
Setuju	245	49.0	
Sangat setujui	183	36.6	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 1: Sektor Pertanian Mendatangkan Manfaat kepada Mereka yang Gigih Memajukan Kawasan Luar Bandar

Sektor Perikanan menggalakkan perkembangan industri yang berkaitan dengan ikan- pengetinan, memproses ikan kering, keropok, membuat bot, peralatan penangkapan, kilang ais dan lain-lain

Min bagi item ini ialah 4.08 dan ini bersesuaian dengan tindak balas responden yang bersetuju dengan 47.6% (238) bahawa sektor perikanan menggalakkan perkembangan industri yang berkaitan dengan ikan pengetinan, memproses ikan kering, keropok, membuat bot, peralatan penangkapan ikan dan kilang ais. Hal ini kerana sektor perikanan merupakan salah satu sektor yang perlu diceburi oleh belia terutama bagi belia yang masih menganggur dan berkelulusan. Ini kerana sektor ini mempunyai ruang yang luas untuk diusahakan dan menguntungkan.

Jadual 2: Sektor Perikanan Menggalakkan Perkembangan Industri Berasaskan Ikan

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	15	3.0	4.08
Kurang setuju	15	3.0	
Tiada komen	58	11.6	
Setuju	238	47.6	
Sangat setuju	174	34.8	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 2: Sektor Perikanan Menggalakkan Perkembangan Industri Berasaskan Ikan

Industri kecil dan sederhana (IKS) dapat meningkatkan ekonomi masyarakat terutamanya penduduk di luar bandar. Contohnya, kilang kraf tangan, kilang keropok, perusahaan batik, kilang mi dan lain-lain lagi

Responden bersetuju berjumlah 44.0% (220) dan ini bersesuaian dengan min bagi item ini iaitu 4.10 bahawa industri kecil dan sederhana dapat meningkatkan ekonomi masyarakat terutamanya penduduk luar bandar. Ini dapat menunjukkan bahawa industri kecil dan sederhana dapat membantu para belia untuk meningkatkan ekonomi diri sendiri dan negara. Oleh hal yang demikian, para belia jangan ketinggalan merebut peluang ini.

Jadual 3: Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Meningkatkan Ekonomi Masyarakat Terutamanya Penduduk di Luar Bandar

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	15	3.0	4.10
Kurang setuju	14	2.8	
Tiada komen	64	12.8	
Setuju	220	44.0	
Sangat setuju	187	37.4	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 3: Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Meningkatkan Ekonomi Masyarakat Terutamanya Penduduk di Luar Bandar

Industri herba dapat menggerakkan kelestarian sektor bioekonomi negara dan diakui sebagai projek keutamaan bagi NKEA pertanian negara. Contohnya Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Misai kucing, Hempedu Bumi, dan Dukung Anak Responden bersetuju berjumlah 45.4 % (227) bahawa industri herba dapat menggerakkan kelestarian sektor ekonomi negara dan diakui sebagai projek keutamaan NKEA pertanian negara memandangkan industri ini baru sahaja berkembang di Malaysia. Oleh itu, peluang dan ruang masih terbuka luas untuk diceburi oleh para belia. Bidang ini semakin dikehendaki terutamanya dalam bidang perubatan. Hal ini kerana, banyak ubat-ubatan yang memerlukan herba sebagai bahan utama dalam ubat-ubatan tidak kira moden atau tradisional. Manakala 3.90 min bagi item adalah pada skala likert 3 iaitu tiada komen. Ini membuktikan bahawa tindak balas min dan peratus responden adalah tidak sesuai dengan item yang berkenaan.

Jadual 4: Industri Herba Menggerakkan Kelestarian Sektor Bioekonomi Negara

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	17	3.4	3.90
Kurang setuju	18	3.6	
Tiada komen	101	20.2	
Setuju	227	45.4	
Sangat setuju	137	27.4	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 4: Industri Herba Menggerakkan Kelestarian Sektor Bioekonomi Negara

Industri perkayuan dan rotan Negara melalui pengeluaran lebih banyak produk-produk perkayuan yang bernilai tinggi dan mengukuhkan lagi pasaran eksport

Responden bersetuju berjumlah 47.8 % (239) bahawa industri perkayuan dan rotan negara melalui pengeluaran lebih banyak produk-produk perkayuan yang bernilai tinggi mengukuhkan lagi pasaran eksport. Oleh itu, para belia hendaklah mengambil inisiatif daripada industri perkayuan dan rotan untuk mengusahakan perusahaan perabot. Memandangkan perabot kayu getah mendapat permintaan yang tinggi di negara-negara beriklim sejuk. Manakala perusahaan perabot rotan pula diminati oleh pengguna di Malaysia kerana tidak mudah rosak. Di samping itu, 3.88 adalah purata bagi item ini yang menunjukkan pada skala liker 3 iaitu tiada komen dalam soal selidik yang diedarkan. Ini membuktikan bahawa tindak balas responden dengan purata bagi item ini adalah tidak bersesuaian dengan soalan yang berkenaan.

Jadual 5: Industri Perkayuan dan Rotan Negara

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	16	3.2	3.88
Kurang setuju	24	4.8	
Tiada komen	92	18.4	
Setuju	239	47.8	
Sangat setuju	129	25.8	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 5: Industri Perkayuan dan Rotan Negara

Menggalakkan penduduk bercucuk tanam buah-buahan tempatan yang sesuai untuk menampung keperluan keluarga dan selebihnya dijual. Contohnya, dalam pembuatan santan, jus buah-buahan, jem, jeli buah-buahan dan sebagainya

Responden sangat bersetuju berjumlah 43.8% (219) dan 4.15 min bagi item ini bahawa bercucuk tanam buah-buahan tempatan dapat menampung keluarga dan selebihnya dijual. Para belia digalakkan turut serta dalam memajukan tanah-tanah yang terbiar untuk menanam buah-buahan tempatan terutamanya jenis tanaman jangka pendek. Contohnya tembikai, betik, tembikai susu (rock melon), lobak merah (carrot) yang boleh dijadikan jus buah-buahan untuk minuman. Tanaman pisang, ubi kayu, ubi keledek dan ubi kentang juga merupakan tanaman jangka pendek yang boleh di proses menjadi kerepek atau snek. Manakala tanaman jangka panjang pula seperti durian, rambutan, kelapa, yang boleh diusahakan oleh para belia kerana buah-buahan ini dapat memberikan pendapat yang lumayan.

Jadual 6: Menggalakkan Penduduk Bercucuk Tanam Buah-Buahan Tempatan

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	19	3.8	4.15
Kurang setuju	15	3.0	
Tiada komen	59	11.8	
Setuju	188	37.6	
Sangat setuju	219	43.8	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 6: Menggalakkan Penduduk Bercucuk Tanam Buah-Buahan Tempatan

Industri penternakan lembu, kambing, ayam, kerbau dan sebagainya menggalakkan pertumbuhan ekonomi masyarakat luar bandar

Industri penternakan lembu, kambing, ayam, kerbau, dan sebagainya dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi masyarakat luar bandar yang sangat bersetuju dengan 41.8% (209) dan 4.13 min bagi soalan ini. Ini kerana disebabkan permintaan kepada daging lembu, kambing, ayam, kerbau, daripada masyarakat setempat semakin meningkat. Oleh yang demikian, para belia luar bandar perlu mengambil kesempatan untuk menternak binatang peliharaan seperti lembu, kambing, kerbau, ayam dan itik, secara komersial. Malah najis binatang peliharaan di atas boleh juga dijadikan perusahaan baja yang boleh dijual kepada petani-petani secara langsung atau telah diproses.

Jadual 7: Industri Penternakan Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Masyarakat Luar Bandar

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	16	3.2	4.13
Kurang setuju	16	3.2	
Tiada komen	63	12.6	
Setuju	196	39.2	
Sangat setuju	209	41.8	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 7: Industri Penternakan Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Masyarakat Luar Bandar

Peranan Kerajaan atau Organisasi

Tindak balas daripada responden menunjukkan 43.6% (218 responden) yang sangat bersetuju dan min 4.17 bagi soalan iaitu tentang bantuan yang disalurkan oleh kerajaan bagi kursus persediaan/ latihan pra-pelaksanaan untuk membangunkan ekonomi luar bandar. Kursus persediaan/latihan pra-pelaksanaan amat penting kepada para belia untuk mendapatkan ilmu bagaimana cara untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Jadual 8: Kursus Persediaan/Latihan Pra-Pelaksanaan


Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	22	4.4	4.17
Kurang setuju	7	1.4	
Tiada komen	52	10.4	
Setuju	201	40.2	
Sangat setuju	218	43.6	
Jumlah	500	100.0	



Rajah 8: Kursus persediaan / latihan pra-pelaksanaan

Jadual 9: Peralatan/Mesin

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	21	4.2	4.20
Kurang setuju	10	2.0	
Tiada komen	43	8.6	
Setuju	198	39.6	
Sangat setuju	228	45.6	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 9: Peralatan/Mesin

Daripada segi peralatan pula bantuan kerajaan amat penting kepada belia dengan 45.6 % (228) sangat bersetuju. Manakala purata bagi soalan ini ialah 4.20. Ini kerana, peralatan/ mesin amat diperlukan untuk memulakan sesuatu industri. Contohnya dalam perusahaan industri kecil dan sederhana dalam pembuatan kerepek memerlukan mesin pemotong, pengupas, dan mesin pembungkusan bagi memudahkan kerja-kerja perkilangan.

Jadual 10: Bengkel/Premis/Ruang Niaga

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	22	4.4	4.20
Kurang setuju	9	1.8	
Tiada komen	41	8.2	
Setuju	205	41.0	
Sangat setuju	223	44.6	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 10: Bengkel/Premis/Ruang Niaga

Hasil kajian mendapati skor atau nilai purata 4.20 bagi item ini dan 44.6 % (223) yang sangat bersetuju bahawa pihak kerajaan memberi bantuan bagi membina bengkel/premis/ruang niaga untuk para belia memulakan usahanya dalam bidang perniagaan. Contoh, seorang belia yang ingin mengusahakan perusahaan batik, maka bengkel diperlukan bengkel untuk melukis, mencanting, mewarna, merebus dan menyidai kain-kain batik yang telah siap. Dengan adanya bantuan modal daripada kerajaan untuk membina bengkel dapat meringankan beban usahawan belia bagi memulakan perusahaannya.

Jadual 11: Bahan Mentah

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	22	4.4	4.12
Kurang setuju	5	1.0	
Tiada komen	60	12.0	
Setuju	216	43.2	
Sangat setuju	197	39.4	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 11: Bahan Mentah

Terdapat 4.12 min bagi item ini iaitu 43.2 % (216) yang bersetuju bahawa kerajaan hendaklah memberikan bantuan bahan mentah kepada para usahawan belia. Bahan mentah seperti anak benih padi, getah, kelapa sawit, kelapa, tebu, hendaklah diberikan kepada usahawan belia tani untuk mengusahakan ladang. Ini kerana, memandangkan harga anak benih semakin tinggi buat masa sekarang maka kerajaan perlu memberikan subsidi untuk membantukan petani-petani.

Jadual 12: Modal Pembangunan dan Operasi

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	20	4.0	4.20
Kurang setuju	7	1.4	
Tiada komen	57	11.4	
Setuju	187	37.4	
Sangat setuju	229	45.8	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 12: Modal Pembangunan dan Operasi

Para responden amat bersetuju berjumlah 45.8 % (229) dan 4.20 min bagi soalan ini bahawa bantuan kerajaan dari segi modal pembangunan & operasi amat diperlukan oleh para belia untuk memulakan usaha-usaha menjadi seorang usahawan. Kebiasaannya usahawan dalam kalangan belia tiada modal untuk memulakan perniagaan mereka. Oleh itu, bantuan kerajaan diperlukan melalui modal pembangunan untuk beroperasi.

Jadual 13: Modal Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	18	3.6	4.17
Kurang setuju	9	1.8	
Tiada komen	66	13.2	
Setuju	182	36.4	
Sangat setuju	225	45.0	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 13: Modal Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)

Responden sangat bersetuju berjumlah 45.0% (225) dan min bagi soalan ini iaitu 4.17 ini membuktikan bahawa bantuan modal daripada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) diperlukan untuk membantu belia memulakan perniagaan mereka. Tujuan TEKUN ialah untuk memberi pinjaman modal kepada usahawan kecil bumiputera yang terdiri daripada belia memulakan perniagaan dan melaksanakan projek perniagaan. Jumlah pembiayaan minimum yang diberikan oleh pihak TEKUN ialah RM500 dan jumlah pembiayaan maksimum ialah RM50000. Tempoh pembiayaan maksimum ialah enam bulan ke lima tahun.

Jadual 14: Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	16	3.2	4.21
Kurang setuju	7	1.4	
Tiada komen	56	11.2	
Setuju	200	40.0	
Sangat setuju	221	44.2	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 14: Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Responden sangat bersetuju berjumlah 44.2% (221) bahawa bantuan modal daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) amat diperlukan bagi golongan belia untuk mulakan sesuatu perniagaan. Hal ini kerana, MARA bertanggungjawab memajukan, menggalakkan dan memudahkan serta menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan khususnya di kawasan luar bandar. Oleh sebab itu, golongan belia-belia bumiputera bolehlah meminjam dari Tabung Amanah Rakyat untuk memulakan usaha-usaha menjalankan perniagaan.

Jadual 15: Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	19	3.8	4.12
Kurang setuju	9	1.8	
Tiada komen	68	13.6	
Setuju	199	39.8	
Sangat setuju	205	41.0	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 15: Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

Hasil kajian mendapati 4.21 min bagi soalan ini dan responden sangat bersetuju berjumlah 41.0% (205) ini membuktikan bahawa bantuan daripada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) diperlukan. Ini kerana PUNB mempunyai fokus utama iaitu membangunkan usahawan belia bumiputera dalam pembangunan strategik dan berpotensi selaras dengan dasar pembangunan negara. Selain itu, PUNB mempunyai beberapa objektif utamanya iaitu, pertama untuk menambahkan jumlah dan meningkatkan kualiti usahawan belia bumiputera dalam sektor industri dan komersial. Kedua, menggalakkan pembangunan usahawan belia bumiputera yang berdaya tahan di dalam industri strategik dan yang ketiga menyalurkan budaya keusahawanan dalam kalangan usahawan belia bumiputera dan melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman.

Jadual 16: Tabung Ekonomi Belia (TEB)

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	17	3.4	4.16
Kurang setuju	14	2.8	
Tiada komen	59	11.8	
Setuju	194	38.8	
Sangat setuju	216	43.2	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 16: Tabung Ekonomi Belia (TEB)

Responden sangat bersetuju berjumlah 43.2% (216) dan purata bagi item ini pula ialah 4.26 ini menunjukkan bahawa Tabung Ekonomi Belia (TEB) yang bermatlamat untuk memberikan bantuan yang berbentuk pinjaman perniagaan kepada golongan belia. Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan juga dipertanggungjawabkan untuk menyediakan dana pinjaman serta melantik institusi kewangan sebagai pengurus dana yang bertanggungjawab untuk memproses, mengeluarkan pinjaman dan membuat kutipan semula. Salah satu syarat bagi golongan belia untuk mendapatkan pinjaman daripada tabung tersebut ialah golongan belia yang berumur 18-40 tahun dan telah mendaftar sebagai pemohon sama ada pendaftaran secara atas talian, melalui laman sesawang, portal Majlis Penggalakan Ekonomi Belia atau mengisi borang secara manual.

Jadual 17: Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	21	4.2	4.12
Kurang setuju	13	2.6	
Tiada komen	61	12.2	
Setuju	193	38.6	
Sangat setuju	212	42.4	
Jumlah	500	100.0	



Rajah 17: Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)


Responden sangat bersetuju berjumlah 42.4% (212) dan 4.12 min bagi soalan ini. Ini dapat membuktikan bahawa Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) diperlukan untuk membangunkan ekonomi luar bandar. Hal ini kerana SMIDEC telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan industri kecil dan sederhana (IKS) supaya dapat bersaing di persada antarabangsa. Salah satu matlamat SMIDEC adalah untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing IKS supaya menjadi lebih kompetitif terutama dalam pasaran yang semakin liberal.

Peranan Pihak Swasta

Terdapat 4.13 purata bagi soalan ini dan responden bersetuju dengan 43.4% (217) ini menunjukkan bahawa bantuan pihak swasta diperlukan untuk membangunkan ekonomi luar bandar daripada segi latihan keahlian seperti komputer, teknisi, katering, menjahit dan lain-lain. Contohnya jika terdapat sebilangan belia yang berminat untuk menceburi bidang jahitan atau pemakanan (katering), mereka boleh memohon bantuan pihak swasta untuk mendapat bantuan daripada segi peralatan seperti mesin jahit dan mesin-mesin pemprosesan makanan. Jika golongan belia berjaya mendapatkan bantuan tersebut, mereka perlu menjalani latihan keahlian yang dianjurkan di bawah pihak berkenaan.

Jadual 18: Latihan Keahlian (Komputer, Teknisi, Katering, Menjahit dan Lain-Lain)


Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	9	1.8	4.13
Kurang setuju	22	4.4	
Tiada komen	58	11.6	
Setuju	217	43.4	
Sangat setuju	194	38.8	
Jumlah	500	100.0	



Rajah 18: Latihan Keahlian (Komputer, Teknisi, Katering, Menjahit dan Lain-Lain)

Jadual 19: Promosi dan distribusi produk (bazaar, dan lain-lain)

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	11	2.2	4.07
Kurang setuju	17	3.4	
Tiada komen	76	15.2	
Setuju	220	44.0	
Sangat setuju	176	35.2	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 19: Promosi dan distribusi produk (bazaar, dan lain-lain)

Terdapat 4.07 min bagi soalan ini dan sebanyak 44% (220) responden yang bersetuju bahawa bantuan dari pihak swasta seperti promosi dan distribusi produk (bazar dan lain-lain) diperlukan untuk golongan belia membangunkan ekonomi luar

bandar. Kaedah promosi amat diperlukan bagi memajukan lagi perusahaan sesuatu produk. Contohnya perusahaan produk makanan yang diusahakan di kawasan luar bandar perlu dipromosikan di bazar-bazar yang ditaja oleh pihak swasta. Promosi di bazar-bazar ini akan dapat meningkatkan lagi pengeluaran produk kerana berlaku permintaan daripada pelanggan yang mendapat maklumat tentang produk ini melalui promosi yang dijalankan.

Jadual 20: Bengkel/Premis/Ruang Niaga

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	10	2.0	4.13
Kurang setuju	20	4.0	
Tiada komen	52	10.4	
Setuju	232	46.6	
Sangat setuju	186	37.2	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 20: Bengkel/Premis/Ruang Niaga

Hasil kajian mendapati 4.13 purata bagi item ini dan 46.4 % (232) responden yang sangat bersetuju bahawa pihak swasta memberi bantuan bagi membina bengkel/premis/ruang niaga untuk para belia memulakan usahanya dalam bidang perniagaan. Seperti contoh yang dinyatakan sebelum ini jika seseorang belia ingin mengusahakan perusahaan batik, maka bengkel diperlukan bengkel untuk melukis, mencanting, mewarna, merebus dan menyidai kain-kain batik yang telah siap. Dengan adanya bantuan modal daripada pihak swasta untuk membina bengkel ini akan dapat meringankan beban usahawan belia bagi memulakan perusahaannya.

Jadual 21: Pembentukan Koperasi

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	11	2.2	4.03
Kurang setuju	25	5.0	
Tiada komen	65	13.0	
Setuju	238	47.6	
Sangat setuju	161	32.2	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 21: Pembentukan Koperasi

Bantuan yang diperlukan untuk membangunkan ekonomi luar bandar daripada pihak swasta iaitu daripada segi pembentukan koperasi dengan purata 4.03 dan 47.6% (238) responden yang bersetuju. Ini menunjukkan bahawa pembentukan koperasi ini menyediakan dua fungsi. Pertamanya memberikan pinjaman kepada golongan belia yang ingin memulakan sesuatu perusahaan dan yang kedua menyediakan perkhidmatan pembelian hasil daripada perusahaan tersebut. Terdapat empat jenis koperasi iaitu Koperasi Konsumsi, Koperasi Produksi, Koperasi Pemasaran Atau Koperasi Kredit Atau Simpan Pinjam. Keempat-empat koperasi berkenaan mempunyai fungsi-fungsinya yang tersendiri.

Jadual 22: Konsultasi Kewangan

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	12	2.4	4.04
Kurang setuju	25	5.0	
Tiada komen	72	14.4	
Setuju	215	43.0	
Sangat setuju	176	35.2	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 22: Konsultasi Kewangan

Hasil kajian mendapati, sebanyak 43.0% (215) responden yang bersetuju dan 4.04 min bagi solan ini membuktikan bahawa untuk membangunkan ekonomi luar bandar, konsultasi kewangan amat diperlukan. Konsultasi kewangan ini bertujuan menyediakan khidmat pelanggan seperti memberi khidmat nasihat kepada para usahawan belia daripada segi kewangan. Contohnya, pegawai-pegawai dari Jabatan Kementerian Belia dan Sukan menganjurkan Program Khidmat Nasihat kepada usahawan belia dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kewangan. Ini bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan dalam penggunaan modal pinjaman dan mengelakkan berlakunya kerugian.

Jadual 23: Modal Pembiayaan Peribadi Koperasi

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	9	1.8	4.05
Kurang setuju	23	4.6	
Tiada komen	81	16.2	
Setuju	210	42.0	
Sangat setuju	177	35.4	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 23: Modal Pembiayaan Peribadi Koperasi

Terdapat 4.05 min bagi soalan ini dan responden bersetuju sebanyak 42.0% (210) bahawa Pembiayaan Peribadi Koperasi dapat membantu para usahawan belia mendapatkan modal untuk membangunkan ekonomi luar bandar. Contohnya, Bank Rakyat menyediakan pinjaman peribadi kepada para usahawan belia yang ingin memulakan perniagaan ataupun perusahaan kecil dan sederhana. Pembiayaan koperasi ini juga menyediakan bantuan kepada mereka yang gagal menerima pinjaman dari bank kerana blacklist dan mempunyai rekod CCRIS & CTOS.

Jadual 24: Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad(MIDF)

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	9	1.8	4.04
Kurang setuju	22	4.4	
Tiada komen	78	15.6	
Setuju	224	44.8	
Sangat setuju	167	33.4	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 24: Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF)

Sebanyak 44.8% (224) bersetuju dan 4.04 purata bagi item ini. Ini menunjukkan bahawa Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF) diperlukan untuk mendapatkan modal bagi memajukan ekonomi luar bandar. Penubuhan syarikat ini adalah amat penting kerana ia sebagai bank pelaburan dan syarikat pengeluar dan penanggung saham dan juga sebagai pendaftar kepada syarikat-syarikat awam. Selain itu, penubuhan Syarikat ini juga bertujuan untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana yang sedia ada melalui perkhidmatan nasihat teknik.

Jadual 25: Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	11	2.2	4.08
Kurang setuju	21	4.2	
Tiada komen	66	13.2	
Setuju	221	44.2	
Sangat setuju	181	36.2	
Jumlah	500	100.0	




Rajah 25: Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)

4.08 min bagi item ini dan responden bersetuju sebanyak 44.2% (221) bahawa Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) diperlukan untuk memajukan ekonomi luar bandar dalam menyumbangkan modal kepada para usahawan belia. SME Bank menyediakan pembiayaan kewangan kepada usahawan yang layak dalam urusan pemilikan syarikat-syarikat yang telah dikenal pasti untuk dilupuskan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Antara syarat kelayakan Syarikat Sendirian Berhad yang berstatus PKS dan memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh SME Bank.

Jadual 26: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Skala	Kekerapan	Peratus (%)	Min
Sangat tidak setuju	5	1.0	4.17
Kurang setuju	23	4.6	
Tiada komen	57	11.4	
Setuju	214	42.8	
Sangat setuju	201	40.2	
Jumlah	500	100.0	



Rajah 26: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia juga diperlukan untuk membangunkan ekonomi luar bandar. Sebanyak 42.8% (214) bersetuju dan 4.17 min bagi soalan ini bahawa bantuan modal yang diperlukan dari bank ini. Bank Rakyat menyediakan Skim Jaminan Usahawan Mara (MEGS) kerjasama antara Bank Rakyat dan MARA) yang menawarkan kemudahan pembiayaan untuk perniagaan yang berdaya maju di mana MARA menyediakan jaminan sehingga 80% daripada jumlah pembiayaan yang diberikan oleh Bank Rakyat kepada Syarikat PKS.

KESIMPULAN

Aktiviti ekonomi telah menjadi salah satu sumber pendapatan kepada penduduk di luar bandar. Aktiviti ekonomi ini jugalah yang membawa kepada pembangunan ekonomi masyarakat yang hidup dalam kepompong kemiskinan kerana ia dapat memberi peluang pekerjaan dan membawa kepada pembangunan ekonomi belia. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati responden yang mempunyai pengalaman kurang daripada 1 tahun mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 434 orang iaitu 86.8% daripada 500 orang responden. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka kurang menceburi bidang ekonomi dalam kehidupan mereka. Persepsi golongan belia terhadap peluang ekonomi luar bandar yang mencatatkan jumlah tertinggi adalah untuk sektor pertanian. Daripada segi bantuan yang diperlukan untuk membangunkan ekonomi luar bandar pula, pengkaji mendapati bahawa jumlah tertinggi bantuan yang diperlukan daripada pihak kerajaan untuk membangunkan ekonomi luar bandar adalah bengkel/premis dan ruang niaga. Ini jelas menunjukkan bahawa golongan belia luar bandar mempunyai kekangan pembukaan premis perniagaan. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan modal disebabkan oleh taraf hidup golongan luar bandar rendah dan kos yang diperlukan untuk pembukaan premis ataupun ruang niaga sememangnya memerlukan modal yang besar.

RUJUKAN

- Afifuddin Hj. Omar 1986. Pembangunan Ekonomi Kaum Tani. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J. W. 1994. Research design: Qualitative and quantitative approaches. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Mohd Asri Hj. Abdullah 1999. Industri Kecil Di Malaysia. Pembangunan Dan Masa Depan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Amin Abdullah 1989. Pemikiran Ekonomi Islam: Suatu Tinjauan Penulisan Semasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Abdul Majid 1993. Fokus Ekonomi. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Rustian Kamaluddin 1999. Pengantar Ekonomi Pembangunan. Jakarta, Indonesia: Lembaga Penerbitan Fakultas Ekonomi.

Profil Penulis:***Siti Khariah Mohd Zubir, PhD***

Pensyarah Kanan

Kesusasteraan Melayu

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

khariah@fbk.upsi.edu.my

Mohd Ra'in Shaari

Pensyarah Kanan

Linguistik

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

mohd.rain@fbk.upsi.edu.my